

Usah dengar khabar angin

6 AUG 1986

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar orang tertentu kerana sengaja menyebarkan khabar-khabar angin kononnya satu rusuhan kaum atau keganasan akan berlaku selepas pilihanraya umum lalu.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya kejadian itu tidak berlaku, sebaliknya negara terus aman kerana rakyat cintakan kedamaian dan perpaduan.

“Sebab itulah semua kaum menyertai pilihanraya dan mereka yang cintakan perpaduan serta keamanan mendapat sokongan rakyat,” katanya ketika berucap di perhimpunan Pandu Puteri Selangor dan Wilayah Persekutuan di sini.

Perhimpunan yang bertemakan ‘Keamanan melalui perpaduan dan persahabatan’ di adakan sempena Tahun Keamanan Antarabangsa 1986. Kira-kira 500 Pandu Puteri dari 37 sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan mengambil bahagian.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat berbilang kaum inginkan keamanan bagi membolehkan kegiatan-kegiatan sosial, ekonomi dan politik berjalan tanpa gangguan.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir

berkata, negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama perlu mentadbir perhubungan rakyatnya dengan bijak bagi mengelakkan tercetusnya huru-hara dan rusuhan.

Sambil menganggap tema perayaan itu tepat dan kena pada tempatnya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sedang dunia menghadapi banyak masalah, termasuk penindasan kaum seperti di Afrika Selatan, Malaysia bernasib baik kerana tidak menghadapi masalah seumpama itu.

Beri amaran

Beliau berkata, semangat persahabatan dan persaudaraan perlu dipupuk di kalangan kanak-kanak sejak di bangku sekolah kerana tanpa semangat itu keamanan tidak akan wujud.

“Saya yakin masa depan negara akan cerah jika semangat itu dipupuk sejak awal-awal lagi di kalangan kanak-kanak,” katanya.

Menurutnya, rakyat harus sanggup bertolak ansur dan perbezaan kebudayaan dan amalan tidak semestinya dijadikan alasan untuk mengagalkan perpaduan.

Perdana Menteri juga berharap pelajar-pelajar mengelakkan dari menjalakan kegiatan yang tidak dapat membentuk peribadi baik dan tidak produktif.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar, berkata pihak polis percaya ada golongan tertentu menyebarkan khabar-khabar angin itu dengan tujuan supaya harga saham naik di pasaran.

Beliau menasihatkan rakyat jangan percaya kepada khabar-khabar angin itu.

Katanya, jika ada apa-apa berlaku, pihaknya akan memberitahu perkara itu kepada rakyat melalui radio dan televisyen.

Ketua Polis Bandarnya, Datuk Mohd Zaman Khan, pula memberi amaran bahawa mereka yang menyebarkan khabar-khabar angin boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bercakap dalam sidang akhbar di sini, beliau berkata, ada golongan tertentu menyebarkan khabar-khabar angin kononnya perintah berkurung dan rusuhan berlaku di beberapa bahagian ibu kota.

Antara tempat-tempat yang disebut ialah Jalan Ipoh, Kampung Baru, Chow Kit dan Selayang.

"Mereka yang terbabit boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan mengikut seksyen 41 akta itu," katanya.

Merujuk kepada seksyen 28 akta yang sama, Datuk Zaman berkata, ia meliputi mereka yang menyebarkan maklumat palsu sama ada melalui perkataan atau mulut atau melalui bahan-bahan bercetak bertujuan menakutkan orang ramai serta mengganggu ketenteraman awam.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya segera melaporkan kepada polis jika mengetahui sesiapa menyebarkan khabar-khabar angin.

Menurutnya, polis meningkatkan rondaan di beberapa kawasan untuk mengurangkan rasa takut di kalangan orang ramai.

"Orang ramai tidak mempunyai sebab untuk bimbang kerana tidak ada sebarang kejadian buruk berlaku sepanjang pilihanraya umum lalu. Mereka tidak harus terpengaruh dengan khabar-khabar angin itu dan meneruskan kerja harian seperti biasa," katanya.

Beliau berkata, pihak yang menyebarkan berita palsu itu bertujuan menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat untuk 'kepentingan peribadi mereka.' Beliau bagaimanapun tidak menamakan mereka yang terbabit.